

OPUS International dan HSS Engineering Jalin Usahasama Strategik untuk Menerajui Pembangunan Infrastruktur Merentasi Asia Tenggara dan Timur Tengah

KUALA LUMPUR, 22 Oktober – OPUS International (M) Berhad (OPUS), sebuah perunding kejuruteraan dan pengurusan aset terkemuka, anak syarikat UEM Edgenta Berhad (UEM Edgenta) bersama-sama dengan HSS Engineering Sdn Bhd (HSSE), entiti terkemuka dalam perkhidmatan kejuruteraan dan pengurusan projek, anak syarikat milik penuh HSS Engineers Berhad (HEB); hari ini mengumumkan pemeteraian sebuah Perjanjian Usahasama dan Pemegang Saham (*Joint Venture and Shareholders' Agreement - JVSA*). Perkongsian strategik ini bertujuan untuk mempercepatkan perluasan ke dalam pasaran infrastruktur pertumbuhan tinggi di seluruh Asia Tenggara (SEA) dan Timur Tengah.

Kerjasama ini menggabungkan gabungan kepakaran OPUS dan HSS Engineering dalam menyampaikan penyelesaian komprehensif merentas perkhidmatan kejuruteraan dan teknikal, pengurusan projek dan perundingan pengurusan aset serta penyelesaian kecekapan tenaga dalam pelbagai sektor infrastruktur. Usahasama itu bakal dimiliki 60% oleh OPUS dan 40% oleh HSSE.

Berkongsi pendapatnya berkenaan kerjasama tersebut, Hillary Chua, Pengarah Urusan, OPUS, berkata, "Usaha sama ini menandakan satu langkah ke hadapan yang transformatif dengan menggabungkan kepakaran OPUS dalam pengurusan aset dan kepakaran kecekapan tenaga dengan kehadiran dan rangkaian pasaran antarabangsa HSSE yang meluas. Berbekalkan pengalaman kejuruteraan lebih tiga dekad daripada OPUS dan HSSE, kami mempunyai kedudukan baik bagi menyampaikan penyelesaian infrastruktur yang inovatif dan mampan bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga untuk pasaran pertumbuhan tinggi di seluruh Asia Tenggara dan Timur Tengah. Kami berkongsi aspirasi bagi pertumbuhan yang tinggi, bertujuan untuk meningkatkan penyampaian amalan kejuruteraan bertaraf dunia dan perkhidmatan pengurusan aset sambil menyumbang kepada pembangunan infrastruktur rantau ini."

Turut menyuarakan harapan dan semangat yang sama, Syahrunizam Samsudin, Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif, UEM Edgenta, menyatakan, "Kerjasama ini melangkaui kerjasama – ini adalah untuk mewujudkan nilai jangka panjang. Ianya mengukuhkan keupayaan kami dalam menyampaikan projek yang inovatif dan mampan. Untuk UEM Edgenta, ini selaras dengan visi *Edgenta of the Future 2025* (EOTF 2025) kami di mana inovasi, kemampanan dan keberkesanan merupakan teras strategi kami. Kerjasama ini juga dilihat dapat meningkatkan daya saing kami di pasaran antarabangsa, sekaligus meletakkan kami sebagai peneraju dalam pengurusan aset infrastruktur di seluruh Asia Tenggara dan rantau Timur Tengah."

Usahasama ini membolehkan kedua dua organisasi, HEB Group dan Opus International untuk menggabungkan kekuatan masing masing. Dengan menggabungkan kepakaran HEB Group dalam reka bentuk kejuruteraan dan pengurusan projek bersama pendekatan inovatif Opus International seperti pengurusan aset, geoteknikal, kecekapan tenaga, dan penyelesaian kelestarian, kami

mempunyai pakatan kukuh untuk mencapai kejayaan. Kerjasama ini pasti akan membawa manfaat sinergi dalam projek bersama kami. Kami berharap dapat membina kerjasama erat dengan Opus International bagi meningkatkan piawaian projek infrastruktur di landskap bandar moden,” tambah Ir. Sharifah Azlina Raja Kamal Pasmah, Ketua Pegawai Eksekutif, HSS Engineering Sdn Bhd.

Tan Sri Ir. Kuna Sittampalam, Naib Pengerusi Eksekutif, HSS Engineers Berhad menyimpulkan, “Jenama Opus International yang disegani dan kepimpinannya dalam pengurusan aset akan saling melengkapi rekod prestasi Kumpulan HEB yang terbukti dalam penyelesaian kejuruteraan untuk projek infrastruktur. Kerjasama ini bakal meningkatkan keupayaan penyampaian projek dengan ketara serta memupuk pertumbuhan dinamik dalam kedua-dua pasaran domestik dan global. Kumpulan HEB sedang memacu ke arah bidang baru muncul seperti pusat data dan tenaga boleh diperbaharui sambil mengukuhkan bidang terasnya iaitu rel, lebuh raya, pelabuhan dan infrastruktur air. Oleh itu, usaha sama ini bakal meningkatkan kedudukan kami sebagai perunding kejuruteraan terkemuka di Malaysia dan mengukuhkan penyelesaian menyeluruh kami.”

Hillary Chua, Pengarah Urusan, OPUS menandatangani perjanjian bagi pihak OPUS manakala HSS diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ir. Sharifah Azlina Raja Kamal Pasmah. Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Syahrurizam Samsudin Pengarah Urusan & Ketua Pegawai Eksekutif, UEM Edgenta dan Tan Sri Ir. Kuna Sittampalam, Naib Pengerusi Eksekutif, HSS Engineers Bhd.

OPUS dan HSSE merancang untuk menujuhkan usaha sama tersebut secara rasmi pada tahun 2024, dengan operasi awal tertumpu kepada projek pengurusan aset utama dan inisiatif kecekapan tenaga. Pembentukan dan operasi usaha sama itu tertakluk kepada kelulusan kawal selia yang diperlukan.

Untuk maklumat lanjut berkenaan OPUS dan UEM Edgenta, layari <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

About HSS Engineers Bhd

HSS Engineers Berhad (HEB atau Syarikat) adalah sebuah syarikat pemegangan pelaburan yang ditubuhkan pada 23 Januari 2015 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat sendirian berhad dengan nama HSS Engineers Sdn. Bhd. sebelum ditukar status kepada syarikat awam berhad. Syarikat ini mengambil nama sekarang pada 31 Mac 2015.

HEB, melalui anak syarikatnya (Kumpulan HEB atau Kumpulan) dan syarikat bersekutu, terlibat secara langsung dalam penyediaan perkhidmatan kejuruteraan dan pengurusan projek termasuk reka bentuk kejuruteraan, penyeliaan pembinaan, pengurusan projek, perkhidmatan alam sekitar, dan perkhidmatan pemodelan maklumat bangunan (BIM).

Tenaga kerja Kumpulan HEB berkembang kepada kira-kira 1,000 orang (lebih separuh daripadanya adalah jurutera) selepas selesai pemerolehan SMHB Engineering Sdn. Bhd. pada 28 Mac 2018. Dengan gabungan pengalaman lebih 80 tahun, Kumpulan ini memiliki pengalaman luas dalam pelbagai sektor seperti infrastruktur bandar, perancangan pengangkutan, jalan raya dan lebuh raya, sistem kereta api dan metro, sumber air dan bekalan, pengurusan sisa, bangunan dan struktur, penjanaan kuasa, serta kini telah menceburi teknologi telekomunikasi dan digital.

Sebagai kumpulan perunding kejuruteraan tersenarai terbesar di Malaysia dan antara yang terkemuka, Kumpulan HEB telah terlibat dalam pelbagai projek berskala besar, termasuk MRT 1, 2, & 3, Lebuhraya Pan Borneo (Sabah), Maju Expressway 2, Lebuhraya Pantai Barat, Lebuhraya SUKE, Pemindahan Air Mentah Pahang – Selangor, Pembangunan Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3, Kajian Grid Air Sarawak, dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

HEB kini beroperasi dari 5 pejabat utama, iaitu dua di Kuala Lumpur, serta di Sabah, Sarawak, dan Chennai, India.

UNTUK PERTANYAAN BERKENAAN MEDIA, SILA HUBUNGI:

UEM Edgenta Berhad

Wan Laila Fatihah
Ketua, Komunikasi Korporat
wanlaila@edgenta.com

Ali Baizuri Razali
Pengurus, Perhubungan Media
alibaizuri@edgenta.com

HSS Engineers Berhad

Anandanayagam A/L Sharvanandan
Pengurus Besar Kumpulan
anand@hss.com.my

Stephanie Liew
Pengurus, Komunikasi Korporat
stephanie@hss.com.my